



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL

JABATAN PERUMAHAN NEGARA
NATIONAL HOUSING DEPARTMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Ministry of Housing & Local Government

Aras 36,
No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Telefon: 03-8000 8000
Faks : 03-8891 4088

SURAT “KENYATAAN TAWARAN MEMPELAWA SYARIKAT-SYARIKAT UNTUK MENYERTAI KONTRAK SECARA TERHAD DAN TERPILIH BAGI MEMBINA DAN MENYIAPKAN PERUMAHAN UNTUK PENJAWAT AWAM” ADALAH TIDAK SAHIF DAN TIADA KAITAN DENGAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.

Putrajaya 12 Februari 2021 - Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) **MENAFIKAN** pernah mengeluarkan surat kenyataan tawaran mempelawa syarikat-syarikat untuk menyertai kontrak secara terhad dan terpilih bagi membina dan menyiapkan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) - dua blok pangsapuri sepuluh tingkat di Jalan Komplek, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. **TAWARAN PALSU** ini juga turut meminta syarikat membuat bayaran bon pembinaan secara pindahan elektronik bank sebanyak RM 7,000 bagi syarikat yang berminat dengan kontrak ini.

JPN,KPKT ingin menasihati orang awam agar memberi maklumat dan melaporkan kepada JPN,KPKT atau terus kepada pihak polis sekiranya terdapat surat atau notis tawaran yang berunsurkan penipuan. Orang awam juga boleh merujuk laman sesawang rasmi PPAM, JPN, KPKT: <https://www.ppam.gov.my/> atau <https://ehome.kpkt.gov.my/> atau <https://www.kpkt.gov.my/> bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai skim PPAM / skim-skim perumahan di bawah seliaan JPN, KPKT atau berhubung terus dengan cawangan PPAM di:

Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Aras 35, No. 41, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
TEL : 603-8000 8000 FAKS: 603-8891 5588
E-mel : ppam@kpkt.gov.my

Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
12 Februari 2021